

PERANAN DAN CABARAN AGENSI AGAMA ISLAM KETIKA ERA PANDEMIK COVID-19

MOHD ISA MOHD DENI

mohdisa@kuis.edu.my

SRI RAHAYU SARIFIN

haddulbasor@gmail.com

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Serangan wabak Covid-19 sudah lebih setahun melanda dunia sejak mula dikesan di Wuhan China. Impak pandemik tersebut telah menjejaskan pelbagai sektor kehidupan manusia. Di Malaysia pelbagai pihak terkesan dengan fenomena ini khususnya dalam aspek kesihatan dan ekonomi. Pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta atau NGO berganding bahu membantu masyarakat dalam menghadapi masa sukar ini. Penulis akan meninjau sejauh mana agensi agama Islam di Malaysia berperanan membantu rakyat yang terkesan khususnya agensi zakat dan baitulmal. Data-data berkaitan usaha yang dijalankan oleh beberapa institusi zakat dan baitulmal di Malaysia akan dianalisis dan dinilai sejauh mana kesungguhan dan keberkesanannya. Pada masa yang sama penulis mengenalpasti apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka. Kajian ringkas ini juga cuba menyingkap kebenaran dakwaan sesetengah pihak yang mengkritik agensi agama dalam berhadapan dengan suasana wabak Covid-19. Umumnya, agensi-agensi agama Islam terutama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi mengurus zakat (AMZ) begitu aktif dalam membantu masyarakat yang terkesan dengan wabak ini. Banyak dana yang telah dikeluarkan berbanding tahun-tahun sebelumnya memandangkan pihak yang terjejas bertambah dengan begitu drastik. Namun demikian terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi yang mungkin tidak semuanya mendapat liputan media masa.

Kata kunci: peranan, cabaran, agensi agama Islam, covid-19

1. Pendahuluan

Seluruh dunia telah digemparkan dengan penyebaran sejenis virus yang dikenali sebagai virus Corona pada penghujung Disember 2019. Penularan virus ini dipercayai berpunca daripada sebuah pasaraya yang menjual makanan laut di Bandar Wuhan yang terletak di Wilayah Hubei, China. Wabak ini sangat merbahaya dan serius sehingga menyebabkan seluruh dunia terkesan dengan penularannya. Virus ini kemudiannya diisytiharkan sebagai pandemik oleh World Health Organization (WHO) pada 11 Mac 2020 disebabkan kepantasan penularan virus ini sehingga menjangkau seluruh dunia dan boleh menyebabkan kematian khususnya bagi golongan warga emas dan berisiko kerana mempunyai ketahanan imunisasi yang lemah. (Berita Harian, 2020)

Pada 24 Januari 2020, kes pertama Covid-19 di Malaysia telah disahkan oleh Menteri kesihatan pada ketika itu, Dr Dzulkefly Ahmad yang membabitkan tiga warga China yang memasuki Malaysia melalui Johor dari Singapura (Berita Harian, 2020). Berikutan itu, jangkitan virus menular kepada warga tempatan dan kes terus meningkat hari demi hari merebak ke setiap bandar, wilayah, daerah dan negeri sehingga mencatatkan peningkatan kadar kematian. Untuk mengekang penularan penyakit ini, pihak kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan

Pergerakan selaras dengan Akta Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 bermula 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, selama 3 bulan bagi membendung penyebaran wabak Covid-19. PKP diisytiharkan sekali lagi pada 13 Januari 2021 apabila kes Covid 19 melonjak semula dengan lebih ganas..

Di Malaysia, pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam membendung wabak ini sejak mula dikesan. Tindakan drastik dilakukan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ironinya, ketika negara ini dan dunia diserang virus misteri ini pergolakan politik dalam negara juga mula memuncak. Pertukaran kerajaan secara mengejut menyebabkan rakyat berasa sangsi sama ada wabak ini mampu ditangani dengan baik. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan pertama dalam sejarah negara ini dalam membendung penularan Covid-19. Semua aktiviti ekonomi dan sosial dihentikan melainkan beberapa sector yang penting sahaja yang dibenarkan beroperasi. Akhirnya pelaksanaan PKP pertama ini telah berjaya menampakkan hasilnya apabila kes jangkitan Covid-19 berjaya dilandaikan dan dikawal sepenuhnya sehingga Malaysia dijadikan contoh oleh negara-negara lain. Kesan PKP ini adalah amat perit bagi kebanyakan orang terutama daripada aspek ekonomi.

Di Malaysia, Kerajaan telah melaksanakan PKP mengikut 4 Fasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020 yang meliputi:

- Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)
- Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)-Kawalan Merah
- Fasa Perintah Kawalan Pemulihan (mulai 10 Jun – 31 Ogos 2020)

Setakat 22 Mac 2021, Malaysia telah mencatatkan sebanyak 334,156 kes dengan 1,238 kes kematian, iaitu bersamaan 0.37% (KKM, 2021). Di seluruh dunia pula 122, 992, 844 kes dicatatkan dengan 2, 711, 071 kes kematian. Amerika mencatat kes tertinggi dengan lebih 29 juta dan lebih 500 ribu kematian diikuti Brazil hampir 11.9 juta kes, India 11.6 juta kes, Rusia 4.5 juta kes dan UK 4.3 juta kes (WHO,2021).

2. Impak Covid-19 Kepada Ekonomi Dunia

Penularan wabak COVID-19 ini diseluruh dunia bukan sahaja meninggalkan kesan kepada kesihatan tetapi juga kepada aspek kemanusiaan dan ekonomi. Sebanyak 22.5 juta (sehingga 30 Jun 2020) orang hilang pekerjaan di Amerika Syarikat sahaja dan merupakan situasi paling teruk sekali berlaku dengan bilangannya semakin meningkat dari sehari ke sehari. Bank Dunia menganggarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia menguncup sepanjang tahun 2020 ini adalah pada tahap -2.5% (negatif 2.5%) dengan anggaran bilangan perniagaan yang terjejas dan ditutup seluruh dunia sehingga hujung tahun ini dalam lingkungan 3.5 juta yang mengakibatkan bilangan pengangguran melebihi 100 juta orang. Ini bermakna kerugian ekonomi kepada dunia ialah sebanyak AS\$3.5 trillion. Laporan IMF menganggarkan 500 juta penduduk dunia akan jatuh miskin kesan dari ekonomi dunia yang terjejas teruk

penduduk rantau Asia Pasifik paling terkesan dengan unjuran 240 juta orang, hampir ½ daripada penduduk dunia.

Ekonomi Malaysia turut terkesan secara langsung dengan wabak COVID-19 ini. Menurut Perdana Menteri Malaysia dalam perutusan khas sempena Hari Pekerja, negara mengalami kerugian sekitar RM2.4 bilion sehari, menjadikan jumlah keseluruhan dianggarkan RM63 bilion sepanjang tempoh PKP Fasa 1 disebabkan penutupan perniagaan atau “down-sizing, bilangan pengangguran pula mencatat peningkatan kadar 17.1% ,kepada 600,500 berbanding 521,300 orang bilangan sama tahun lepas. Bank Negara Malaysia turut mengunjurkan penguncupan ekonomi Malaysia antara -1% hingga -4% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepanjang tahun 2020 ini dan pemulihan ekonomi dijangka mula pulih pada suku kedua tahun 2021.

Pelancongan yang menjana RM66 bilion kepada pendapatan negara turut terjejas di mana sekatan perjalanan antara negara masih berkuat kuasa mungkin sehingga hujung tahun 2021. Kerajaan Malaysia menganggarkan kerugian keseluruhan dalam sector pelancongan mulai Januari hingga Februari 2020 sebanyak RM3.37 bilion. Industri perhotelan sahaja mengalami kerugian besar lebih daripada 500 juta ringgit dan menjejaskan 56,229 pekerja.

Ekonomi domestik paling teruk terjejas dengan kebanyakan industri seperti pembuatan dari sektor IKS kerugian pendapatan hampir 50 peratus sehingga mereka terpaksa memberhentikan pekerja, melaksanakan cuti tanpa gaji atau pengurangan gaji.

Sepanjang Januari sehingga 27 November 2020 Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) merekodkan seramai 99, 696 pekerja diberhentikan . Timbalan Menteri Sumber Manusia, Awang Hashim berkata, pembuangan pekerja itu termasuk melibatkan golongan berkemahiran tinggi, masing-masing membabitkan kategori pengurus seramai 13,109 orang; profesional (26,079 orang) dan juruteknik serta profesional bersekutu (19,095 orang) (AstroAwani, Dis.2020).

Menurut Datuk Shamsuddin Bardan, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia, bilangan syarikat-syarikat yang akan melaksanakan pemberhentian/pengurangan pekerja di jangka akan meningkat sebanyak 33% daripada ahlinya yang seramai lebih 165,000 syarikat yang mengakibatkan jangkaan bilangan pengangguran akan meningkat kepada 1 juta hingga 1.5 juta orang sehingga akhir tahun 2020 ini.

3. Peranan Yang Dilaksanakan Oleh Agensi Agama Islam Di Malaysia

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam urusan agama Islam di negeri-negeri dalam Malaysia. Urusan agama ini termasuklah yang berkaitan dengan hal ehwal harta orang Islam seperti zakat, wakaf dan baitulmal.

Dalam menghadapi fenomena wabak Covid-19, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi mengurus zakat (AMZ) masing-masing telah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membantu masyarakat yang dihimpit krisis ekonomi.

Sejak awal PKP dilaksanakan agensi-agens zakat telah mengambil langkah proaktif dalam mengagihkan bantu kepada golongan yang memerlukan (Amirul Afif, 2020) Malah bantuan

yang diagihkan tidak terhad kepada asnaf-asnaf tradisi tetapi juga melangkaui bangsa dan agama. Amirul Afif (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat salah faham dalam kalangan masyarakat bukan Islam terhadap zakat, namun dengan langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi zakat menunjukkan sumbangan yang diberikan sangat meluas dan sangat bermakna ketika seluruh masyarakat ditimpa kesusahan. Ini diharap dapat membuka mata seetengah pihak yang mempunyai persepsi negative terhadap agensi mengurus zakat.

Dalam usaha membantu masyarakat yang terjejas dan negara secara keseluruhan, agensi agama tidak hanya bergantung kepada wang zakat tetapi juga sumber-sumber lain . YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataannya di Dewan Rakyat pada Ogos 2020 telah memperincikan jumlah bantuan yang telah dibelanjakan oleh MAIN dan AMZ seluruh Malaysia sepanjang tempoh COVID-19 seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Data Bantuan Covid 19 Oleh MAIN / AMZ Seluruh Malaysia Sehingga Jun 2020

BIL.	MAIN / AMZ	NILAI BANTUAN
1.	Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) (sehingga 19 Julai 2020)	RM 7, 375, 400.00
2.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) (sehingga 28 Mei 2020)	RM 15, 099, 825.40
3.	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	RM 12, 799, 240.50
4.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	RM 20, 246, 800.00
5.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	RM 46, 502, 350.00
6.	PPZ MAIWP	RM 6, 856, 469.60
7.	Zakat Pulau Pinang (ZPP)	RM 15,100, 000.00
8.	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	RM 232,200,000.00
9.	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	RM 8, 528, 400.80
10.	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	RM 8, 323, 561.45
11.	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) (Bantuan PKP hanya one off)	RM 4, 260, 000.00
12.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS)	RM 10, 009, 760.00
13.	Majlis Agama Islam Perak (MAIPK)	RM 12, 266,150.00
14.	Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)	RM 22, 866, 778.00

15.	Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) (sehingga 6 April 2020)	RM 4, 495,717.00
	JUMLAH	RM 426, 930, 452.75

Sumber: Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ewal Agama) di Dewan Rakyat pada Ogos 2020.

Merujuk kepada jadual di atas, pengagihan dana yang dikeluarkan oleh MAIN dan AMZ di Malaysia adalah sangat besar. Di Selangor sahaja sejumlah lebih RM 232 juta telah diagihkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Lebih 57 ribu keluarga asnaf, fakir dan miskin serta lebih 6 ribu orang muallaf telah menerima manfaat. Jadual di bawah menerangkan bentuk bantuan yang diagihkan LZS sepanjang tempoh PKP fasa pertama (Mac-Mei 2020):

Jadual 2: Bantuan yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor dalam tempoh PKP 1 (Mac-Mei 2020)

JENIS BANTUAN	JUMLAH (RM)	JENIS BANTUAN	JUMLAH (RM)
Bantuan kewangan bulanan (fakir, miskin dan muallaf)	44.3 juta	Bantuan kecemasan (fakir, miskin, muallaf, fisabilillah)	2.2 juta
Bantuan Ramadhan (fakir, miskin, muallaf)	27.8 juta	Bantuan peralatan perubatan (untuk klinik dan hospital terpilih)	0.8 juta
Bantuan sewa rumah (fakir, miskin, muallaf)	17.8 juta	Bantuan makanan pelajar IPT & pusat jagaan kepada 21 buah institusi terpilih	0.1 juta
Bantuan khas Covid-19 (27, 536 orang penerima)	11.8 juta		
Bantuan makanan bulanan (fakir, miskin)	2.2 juta		
		JUMLAH	232 200 000

Sumber: Jabatan Business Intelligence & Pengurusan Data, Divisyen Strategi Korporat, Lembaga Zakat Selangor.

Selangor merupakan negeri yang paling padat penduduknya dan merupakan pusat aktiviti ekonomi negara, justeru tidak hairanlah jumlah kutipan zakatnya sejak dahulu merupakan yang tertinggi di Malaysia. LZS pula memang dikenali sebagai sebuah agensi zakat yang sangat efektif dalam pengurusan zakat dengan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pula sebagai agensi kedua tertinggi mencatatkan sumbangan kedua terbesar iaitu sebanyak RM 46, 502, 350.00. Ini tidak termasuk yang diagihkan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Jika ditinjau secara terperinci sumbangan yang dilakukan oleh MAIWP sehingga April 2020 adalah sebanyak RM34.13 juta. Ia meliputi pelbagai bentuk sumbangan seperti bantuan kepada asnaf, bantuan kecemasan,

bantuan peralatan hospital, bantuan kepada mereka yang terjejas pendapatan dan bantuan kepada NGO dan sebagainya (Berita MAIWP,2020).

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui agensi-agensinya pula telah melancarkan Bantuan Muasaadah Covid 19 dengan begitu agresif. Sehingga 26 Disember 2020 jumlah bantuan yang dikeluarkan ialah sebanyak RM363.5 juta. Jadual di bawah memperincikan sumbangan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berkenaan:

Jadual 3: Perbelanjaan #MusaadahCovid19

BANTUAN MUSAADAH COVID	
AGENSI	SUMBANGAN (RM)
MAIWP	72.06 juta
TABUNG HAJI	19.81 juta
JAKIM	170.75 juta
YAYASAN WAKAF	1.27 juta
JKSM	11, 330
JAWI	8.33 juta
TV AL HIJRAH	85.38 juta
IKIM	54,000
JAWHAR	113,6000
YPEIM	4.72 juta
YADIM	835, 6000
JUMLAH	363.5 JUTA

Sumber: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Data-data di atas dengan jelas menunjukkan bahawa agensi-agensi agama di Malaysia telah memainkan peranan yang sangat aktif dalam membantu masyarakat dan Negara dalam masa sukar ini. Sumbangan bukan hanya dikeluarkan melalui sumber zakat bahkan sumber-sumber lain yang dipunyai oleh MAIN seperti baitulmal. Ia juga bukan hanya sumbangan tradisi kepada asnaf tetapi juga bantuan-bantuan lain seperti peralatan perubatan, bantuan makanan dan keperluan lain kepada pihak barisan hadapan yang membantu menangani isu Covid-19. Justeru, bantuan ini kelihatan memberi kesan yang sangat menyeluruh bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga orang bukan Islam. Agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri juga telah menyumbangkan dana yang begitu besar kepada masyarakat.

4. Isu Dan Cabaran Yang Dihadapi Mains Dan Amz

Fenomena wabak Covid-19 ini merupakan antara bencana kemanusiaan yang jarang berlaku dalam abad ini. Ia bukan hanya memberi kesan kepada kesihatan tetapi juga kepada sektor ekonomi dan sosial sedunia. Bagi agensi agama Islam di Malaysia terutama AMZ, ini merupakan cabaran yang berat dan perlu ditangani dengan cekap. tetapi berhemah. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi ialah:

- 1.1 Pertindihan bantuan berlaku akibat ketidak selarasan maklumat. Dalam situasi begitu banyak pihak yang prihatin menyalurkan bantuan kepada mereka yang terjejas,

seharusnya terdapat satu pangkalan data yang komprehensif untuk mengelakkan berlakunya pertindihan. Dikhawatiri jika bantuan diberikan kepada mereka yang telah mendapat bantuan daripada sumber lain, golongan yang lebih berhak menerima bantuan tidak mendapat bantuan yang sepatutnya. Ini juga yang menjadi punca salah faham sesetengah pihak sehingga beranggapan agensi agama tidak melaksanakan tugas. Justeru saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed wajar diberi perhatian (Sinar harian, 12 September 2020)

- 1.2 Menguruskan permohonan yang semakin banyak. Sebagai contoh di Negeri Sembilan sahaja terdapat 13,608 permohonan. Lembaga Zakat Selangor pula menjangkakan pertambahan 10 000 permohonan zakat akibat PKP (Malaysia Gazette, April 2020). Begitu juga di Pulau Pinang, permohonan zakat meningkat sebanyak 10,000 akibat PKP dalam sembilan bulan pertama tahun 2020 (Harian Metro, 23 Oktober 2020). Dengan tugas yang sedia ada untuk menguruskan pelbagai bantuan kepada asnaf-asnaf, pertambahan ini tentu sekali akan meningkatkan beban kepada kakitangan yang terlibat sementara sesetengah agensi masih kekurangan kakitangan bagi menguruskan bantuan COVID-19, siasatan, kaunter dan sebagainya.
- 1.3 Pengendalian operasi yang terhad. Disebabkan SOP yang telah ditetapkan semasa PKP, tidak semua kakitangan dapat keluar mengagihkan bantuan. Ada penerima sepatutnya memerlukan bantuan dengan segera tetapi tidak dapat disalurkan dengan cepat akibat permasalahan ini. Operasi pejabat pengurusan zakat tidak dapat beroperasi sepenuhnya malah ada yang ditutup apabila kakitangan pejabat tersebut juga dijangkiti Covid-19.
- 1.4 Menangani persepsi masyarakat
Sesetengah masyarakat beranggapan agensi zakat tidak berperanan dengan berkesan dalam membantu mereka yang kesempitan apatah lagi ketika fenomena pandemik Covid-19. Penampilan NGO dan sesetengah tokoh menghulurkan bantuan lebih dirasai berbanding MAINS dan AMZ. Keghairahan pelbagai pihak memberi bantuan kemasyarakatan ini satu perkara yang baik, namun jika tidak diuruskan dengan baik ia akan menjadi medan persaingan yang tidak sihat. Apatah lagi ia seolah-olah menonjolkan nama tokoh atau organisasi tertentu dan menafikan sumbangan pihak lain. Tindakan mempromosi aktiviti NGO di media social seperti facebook, youtube, Instagram, twitter dan sebagainya perlu juga dilakukan oleh agensi-agensi agama terutama AMZ. Hasil tinjauan penulis ke internet, masih banyak maklumat yang belum dikemaskinikan oleh sesetengah pihak MAIN dan AMZ. Kita sangat menghargai tugas yang dilakukan namun jika penyaluran maklumat tidak dilakukan dengan cekap dan berkesan persepsi negatif terhadap agensi-agensi agama sukar untuk dihapuskan. Kewujudan media sosial pada masa kini memerlukan MAIN dan AMZ proaktif mempromosikan aktiviti mereka sepertimana pihak lain.
- 1.5 Kutipan zakat dijangka berkurangan. Dengan keadaan ekonomi yang semakin lembap dan semakin ramai yang kehilangan pekerjaan, jumlah asnaf dan golongan yang memerlukan bantuan semakin meningkat. Hal ini dijangka akan menjejaskan kutipan zakat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Justeru, kepentingan keperluan simpanan dan pelaburan wang zakat demi masalah ummah di masa akan datang perlu dirangka agar peranan institusi zakat sebagai institusi kewangan sosial Islam terus relevan dengan perubahan masa dan zaman. Selain itu institusi zakat perlu melakukan anjakan

paradigma dengan meneroka aset dan harta-harta baharu yang boleh dizakatkan pada masa hadapan seperti zakat bitcoin, zakat aset digital, zakat you tuber, zakat facebook dan pelbagai lagi (Faisol Ibrahim, 2020).

5. Kesimpulan

Sesungguhnya fenomena pandemic Covid-19 ini sangat memberi kesan kepada kehidupan manusia sejagat. Selain aspek kesihatan, sektor ekonomi dan sosial di seluruh dunia menerima tamparan yang sangat hebat. Walaupun demikian, pandemik ini juga merupakan satu medan untuk membuktikan bahawa agensi-agensi agama di Malaysia khususnya MAINS dan AMZ benar-benar berperanan dalam membantu semua pihak yang memerlukan. Pelbagai data yang dihidangkan secara tidak langsung menafikan persepsi negatif sesetengah pihak terhadap MAINS dan AMZ yang mempertikaikan kecekapan dan keberkesanan agensi tersebut. Fenomena pandemik ini juga memberikan cabaran yang luar biasa kepada mereka, justeru ia perlu ditangani dengan penuh hikmah dan bijaksana.

6. Rujukan

Hambari, Arif Ali Arif, Muntaha Artalim Zaim (2020). *The Role of Zakat Institution in Facing Covid-19: A Case Study of the Federal Territory Islamic Council (MAIWP) of Malaysia*. 4th International Conference of Zakat (ICONZ). 7-8 October 2020, Surabaya, Indonesia.

Amirul Afif Muhamat (2020). *Covid-19 Outbreaks Dissipates Misconception on Zakat*. The Empirical Economics Letters · November 2020.

Mohd Faisol Ibrahim (2020). *Pandemik Covid-19 Dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat Di Malaysia Sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam*. Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020.

Mujaini Tarimin (2012) *Zakat al-Mal al-Mustafad Amalan dan Pengamalan di Malaysia*. Pusat Pungutan Zakat MAIWP.

World Health Organization. *Emergency Diseases, Novel-Corona Virus*.

https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019?gclid=CjwKCAjwgOGCBhAIEiwA7FUXkntZPoRONO0yq4CRgpG5u-lqbrFOZOG8mpyyJZEgLSGYssy4yDk3qRoCnfoQAvD_BwE. (Diakses pada 25 Mac 2021)

Kementerian Kesihatan Malaysia. *Situasi Terkini Covid-19 di Malaysia*.

<http://covid-19.moh.gov.my/terkini/2021/03/situasi-terkini-covid-19-di-malaysia-22032021>. (Diakses pada 25 Mac 2021)

BBC. *How The Pandemic Has Changed The World.* <https://www.bbc.com/news/business-51706225>

Berita Harian. *Kronologi Covid-19 di Malaysia.*
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>

Berita Harian. *Ekonomi Dunia Dijangka Lumpuh.*

<https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2020/05/686497/covid-19-ekonomi-dunia-dijangka-lumpuh>

Astro Awani. *Hampir 100 000 Hilang Kerja.*

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-hampir-100000-hilang-kerja-sejak-januari-timbangan-menteri-271403>

Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). *Perbelanjaan Musaadah COVID 19.*

<https://mira.gov.my/musaadahcovid19-2/>

Sinar harian. *Kerajaan Mahu Penyeragaman Maklumat Saluran Bantuan.*

<https://www.sinarharian.com.my/article/100866/BERITA/Nasional/Kerajaan-mahu-penyeragaman-maklumat-saluran-bantuan>.

Malaysiagazette. *Penerima Zakat Selagor Meningkatkan 10 000.*

<https://malaysiagazette.com/2020/04/20/penerima-zakat-selangor-meningkat-10000-akibat-pkp/>.

Harian Metro. *Penerima Zakat Meningkatkan Akibat Covid-19.*

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/633839/penerima-zakat-meningkat-akibat-covid-19>

Berita MAIWP. *RM34.13 juta Zakat Diluluskan.*

<https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/berita-maiwp/594-rm34-13-juta-zakat-diluluskan-yuran-tadika-taska-dikecualikan>. Diakses pada 25 Mac 2021.

Perbelanjaan #MusaadahCovid19. Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
<https://mira.gov.my/musaadahcovid19-2/>

YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ogos 2020). Dewan Rakyat- Pemberitahuan Pertanyaan, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.